

Publication	Utusan Malaysia	Section / Page	7	Date	28 July 2021
Headline	Syarikat Takaful pertama negara dibentang di Parlimen				

## LIPATAN SEJARAH

### Syarikat Takaful pertama negara dibentang di Parlimen

PADA 28 Julai 1984, *Utusan Malaysia* melaporkan Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Dr. Abdul Halim dalam kenyataannya berkata, Rang Undang-Undang Takaful dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat

pada Oktober depan. Syarikat Takaful (Insurans Islam) Malaysia pertama negara ini akan menjadi anak syarikat BIMB yang memegang 51 peratus ekuitinya apabila memulakan operasi pada awal tahun hadapan.

#### ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

- 28 Julai 1970**  
 Raja Muda Johor, Tengku Mahmud Iskandar Al-Haj menyatakan satu rancangan tambahan sawah padi untuk Orang Asli di Pangkalan Teroh Daerah Kluang akan diadakan tidak lama lagi.
- 28 Julai 1973**  
 Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein mengumumkan pinjaman RM250 juta dari Jepun akan digunakan untuk pembelian dua buah kapal pembawa minyak, melengkapkan limbungan kapal dan membina sebuah stesen janaelektrik.
- 28 Julai 1975**  
 Tun Haji Mohammed Fuad Stephens mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Yang di-Pertua Negara Sabah.

